

PM akan hadiri sidang Apec di Bangkok

BH 28/103

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri persidangan Ketjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Bangkok pada Oktober ini.

Perdana Menteri yang akan bersara pada bulan berkenaan, yakin persidangan itu mampu mencapai kejayaan berikutan persediaan rapi Thailand bagi memastikan kelancarannya.

"Saya mengikuti rapat pertumbuhan ekonomi baik yang dicapai Thailand di bawah kepemimpinan anda (rakan sejawatnya dari Thailand, Thaksin Shinawatra).

"Kerajaan anda menerusi dasar dua hala dalam menggalakkan sektor eksport dan meningkatkan penggunaan domestik membuahkan hasil yang dikehendaki.

"Saya kagum mendapati Thailand merekodkan pertumbuhan ekonomi 6.7 peratus pada suku pertama tahun ini dan menjangka ia kekal kukuh hingga akhir tahun," katanya pada jamuan meraikan delegasi Thailand yang diketuai Thaksin di The Andaman, Teluk Datai di sini, malam tadi.

Dr Mahathir menyifatkan perbincangannya dengan Thaksin yang menyentuh pelbagai isu membabitkan kedua-dua negara amat bermakna.

Katanya, Malaysia dan Thailand berpuas hati hubungan baik sedia terjalin dan kemajuan dalam sektor pelancongan, pelaburan dan perdagangan serta sokongan Thailand menyelesaikan isu yang dikenal pasti.

"Kita juga membincangkan isu yang belum selesai antara kedua-dua negara dan dalam hubungan ini saya tidak boleh menyanggah melainkan bersetuju dengan kenyataan anda (Thaksin) di Bangkok tahun lalu yang Malaysia dan Thailand menawarkan model terbaik kepada dunia bagaimana dua negara yang berkongsi pendapatan patut hidup dan saling bekerjasama," katanya.

Beliau berkata, dalam usaha membanteras keganasan, Malaysia baru-baru ini dipilih sebagai pusat mencegah keganasan bagi rantau Asia Tenggara dengan skop utama menyediakan latihan kepada mereka yang terbabit dalam pencegahan keganasan.

Katanya, pusat itu bekerjasama rapat dengan agensi keselamatan dari dalam dan luar negara untuk bertemu dan bertukar maklumat yang berkesan untuk program latihan.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir dan Thaksin mengambil kesempatan berada di pulau pelancongan ini menaiki kereta kabel ke puncak Gunung Machinchang di Oriental Village, Teluk Burau selepas mengadakan pertemuan empat mata lebih sejam di The Andaman bagi membincangkan pelbagai isu.

Terdahulu, Malaysia dan Thailand memeterai dua perjanjian persefahaman (MoU) membabitkan Jabatan Kastam dan kerjasama membangunkan bursa saham di kedua-dua negara.

MoU pertama ditandatangani Ketua Pengarah Kastam, Tan Sri Abdul Halil Mutalib bagi pihak Malaysia, manakala Thailand diwakili Ketua Pengarah Kastam, Chavalit Sethameteekul.

Kedua-dua pihak bersetuju mengurangkan pemeriksaan fizikal bertindih di samping mewujudkan pemeriksaan sehati dan menyeragamkan prosedur serta borang kastam.

MoU kedua ditandatangani Timbalan Pengerusi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Datuk Mohd Azlan Hashim dengan Presiden Bursa Saham Thailand, Kittlatt Na-lanong membolehkan syarikat Malaysia dan Thailand disenaraikan di kedua-dua bursa saham terbabit.